

02/04/2001

Pas sedia perjelas Amanat Haji Hadi

PORT DICKSON, Ahad - Pas sedia menjelaskan isu berkaitan Amanat Haji Hadi pada bila-bila masa saja, termasuk dalam pertemuan perpaduan Melayu dengan Umno sekiranya perkara itu dibangkitkan.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, berkata parti itu tidak menghadapi masalah untuk menerangkan secara terperinci mengenai amanat berkenaan, walaupun sudah banyak penjelasan dibuat sebelum ini.

"Bukan sukar sangat untuk membincangkan atau mengkaji amanat itu. Kita sedia membincangkan dengan Umno jika kita diminta memberi penjelasan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen Pas peringkat Negeri Sembilan di sini, hari ini.

Fadzil berkata, beliau terkejut kerana selepas 20 tahun Hadi membuat ucapan itu, baru kerajaan bercadang mengkaji amanat berkenaan.

"Dah begitu lama ia wujud, baru sekarang Umno hendak mengkajinya dan mahu mengambil tindakan," katanya mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa kerajaan akan mengkaji amanat itu dari sudut undang-undang.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin Umno bahagian Jelevu dan Jempol di Bandar Baru Serting, Jumaat lalu, berkata beliau setuju dengan pandangan pelbagai pihak supaya amanat itu dikaji dan mengambil tindakan terhadap mereka yang terbabit.

Baru-baru ini, Timbalan Presiden Pas yang juga Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang, mengulangi pendiriannya tidak akan menarik balik ucapannya yang dijadikan sebagai Amanat Haji Hadi, walaupun didesak pemimpin Umno.

Ucapan Hadi itu menimbulkan kontroversi dan dikatakan menjadi punca perpecahan umat Islam kerana wujudnya isu mengkafirkan orang Umno.

Di KOTA BHARU, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menyambut baik kesediaan Umno untuk bermuzakarah bagi membincangkan isu berkaitan Amanat Haji Hadi.

Beliau berkata, perbincangan intelektual itu perlu dilakukan antara pemimpin Umno dengan Abdul Hadi bagi membolehkan segala persoalan atau kemusykilan terjawab.

"Sudah lama kita sebut pasal muzakarah. Bukan caranya kita suruh amanat Haji Hadi ditarik, (tetapi) caranya ialah bawa satu amanat lain yang dibuat Umno dan dedahkan kepada rakyat... kita tengok rakyat terima yang mana satu.

"Cara itu paling baik, tapi kalau nak muzakarah, itu lagi baik. Tentulah kita bersedia untuk hadir bermuzakarah (dan) muzakarah itu tentulah dengan Haji Hadi sebab itu amanat Haji Hadi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengiringi Sultan Kelantan melawat rumah anak yatim Darul Aitam Putera di Lundang, hari ini.

Khamis lalu, Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed, berkata Umno menerima cabaran Pas untuk menyakinkan orang Melayu dan umat Islam di seluruh negara supaya tidak terpengaruh dengan Amanat Hadi yang menyeleweng daripada ajaran Islam.

Menurutnya, Umno sedia berdebat secara intelektual dengan menggunakan hujah ulamanya untuk menangkis kandungan ucapan Abdul Hadi.

Dalam perkembangan lain, Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan, berkata beliau akan menulis surat peribadi kepada Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, bagi menerangkan tujuan

lawatannya ke kawasan ternakan babi di Bukit Pelanduk, baru-baru ini.

"Saya nak terangkan apa sebenarnya yang berlaku. Selepas itu, kalau dia nak terima atau tidak, itu dia punya pasal... saya cuma tulis surat peribadi saya," katanya.

Mengenai cadangan Mohd Isa supaya kerajaan Pas Kelantan menyediakan tanah untuk penternak babi di Bukit Pelanduk, Nik Abdul Aziz berkata beliau tidak pernah berjanji untuk menyelesaikan masalah golongan itu.

"Mana ada saya berjanji... orang sana (penternak Bukit Pelanduk) yang minta saya selesaikan, tapi Anuar Tan (Exco Kelantan) jawab nak selesaikan macam mana sebab itu Negeri Sembilan, bukan Kelantan," katanya.